



PROFIL

Nama: Nurul Ameera Roslan

Umur: 21 tahun

Asal: Kuantan, Pahang

Program Pengajian:
Ijazah Seni Bina Universiti Putra Malaysia

Idola: Hijaz Kasturi

Hobi: Melukis
Akaun laman sosial
Instagram: ameeralroslang93

Nurul Ameera teroka cabang seni

Serdang: Nurul Ameera Roslan, 21, giat meneroka pelbagai cabang seni menerusi bakat semula jadi dimiliki dalam bidang itu.

Pengajian ijazah seni bina menjadi pilihan sesuai dengan bakat melukis yang terserlah sejak kecil selain hasratnya menonjolkan peranan seni dalam pembangunan manusia.

Gadis cilik berasal dari Kuantan, Pahang itu juga bergiat aktif dalam bidang peragaan dan seni persembahan.

